

Headline	BANTU PERTUMBUHAN KACIP FATIMAH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	929 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 36,597
Frequency	Daily	PR Value	RM 109,791

HARIAN METRO
JUMAAT 6 OKTOBER 2017

AGRO | 3

BANTU PERTUMBUHAN KACIP FATIMAH



DR Farah Fazwa (kiri) dan Syafiqah Nabilah menunjukkan produk kompos CompAcc dan pokok kacip fatimah.



FOTO: Rohanis Shukri

PELADANG menabur kompos ke dalam tanah.



PELADANG menggaulkan kompos CompAcc.

FRIM hasil kompos diadun guna komponen paling penting

INOVASI

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Tanaman kacip fatimah berdepan masalah pertumbuhan pucuk dan daun yang perlahan ketika proses pengikliman anak daripada keratan serta anak daripada tisu kultur.

Sehubungan itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menghasilkan kompos CompAcc yang dapat membantu pertumbuhan pokok dari segi penghasilan daun dan ketahanan pada pokok terutama kacip fatimah di peringkat pengikliman tapak semeaian.

FRIM mengorak langkah menghasilkan kompos yang diadun menggunakan komponen paling penting iaitu bahan organik seperti daun kering, sisa kisanan ranting, daun dan pokok.

Selain itu, kompos ini juga adalah hasil daripada campuran daun kering kacip fatimah itu sendiri.



KAKITANGAN Cawangan Membaikbiak Herba dan Pokok (MHP), Bahagian Bioteknologi Perhutanan FRIM memasukan kompos ke dalam beg semeaian pokok kacip fatimah.

Pegawai Penyelidik FRIM Dr Farah Fazwa Md Ariff berkata, kompos CompAcc memberi kandungan makronutrien yang tinggi seperti nitrogen dan kalium khusus untuk membantu meningkatkan jumlah bilangan daun bagi spesies kacip fatimah.

Beliau berkata, adunan kedua-dua bahan organik di atas juga mampu meningkatkan daya tumbesaran serta kualiti kandungan kimia yang ada dalam kacip fatimah.

"Buat masa ini, kami menggunakan kompos berkenaan untuk keperluan

tanaman kacip fatimah di tapak semeaian Cawangan Membaikbiak Herba dan Pokok, FRIM khusus untuk pokok yang dihasilkan melalui teknik kultur tisu dan kaedah keratan.

"Penggunaan CompAcc dapat meningkatkan kadar pertumbuhan daun sebanyak 35 peratus berbanding penggunaan kompos biasa di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui pada Pertandingan Hari Rekreasi dan Inovasi FRIM 2017 di Kepong, baru-baru ini.

Farah Fazwa berkata, pihaknya merancang memasarkan produk berkenaan bermula awal tahun hadapan dengan menyasarkan pengusaha tanaman kacip fatimah di seluruh negara.

"Kami mendapati kompos berkenaan mempunyai banyak kelebihan kerana ia mampu meningkatkan kuantiti dan kualiti khusus untuk tanaman kacip fatimah.

"Sebelum ini, peratus kehidupan pokok kacip fatimah di peringkat pengikliman hanya mencapai sebanyak 50

hingga 60 peratus.

"Namun selepas menggunakan CompAcc berkenaan, peratus kehidupan bertambah kepada 90 peratus sekali gus dapat membantu mengurangkan kos operasi penyelenggaraan pokok di tapak semeaian," katanya.

Inovasi CompAcc berjaya merangkul Pingat Emas sempena Pertandingan Hari Rekreasi dan Inovasi FRIM 2017.

Ia juga hasil inovasi daripada dua penyelidik lagi iaitu Datuk Dr Marzalina Mansor dan Syafiqah Nabilah Samsul Bahari.

INFO

Kelebihan CompAcc

- Meningkatkan kadar pertumbuhan
- Menambahkan penghasilan daun
- Meningkatkan kualiti tanaman kacip fatimah